

“Menjelang 2030, jumlah warga Singapura yang berusia 65 tahun ke atas akan berganda. Ramai daripada warga emas ini mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas. Relawan warga emas ini penting kerana masyarakat juga boleh meraih manfaat daripada pengalaman mereka.”

– Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu.

Lebih banyak peluang warga emas jadi relawan

MESKIPUN penduduk Singapura kian menua, relawan warga emas dengan pengalaman dan kemahiran yang luas juga kian bertambah.

Bagi memanfaatkan bakat mereka, beberapa daya usaha baru akan diperkenalkan untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi mereka melakukan kerja sukarela selain melatih mereka bagi menjalankan tugas tertentu.

Ini merupakan sebahagian kerjasama antara pertubuhan relawan warga emas RSVP Singapore dengan Standard Chartered Bank, yang menandatangani satu memorandum persefahaman (MOU) se-

malam.

Antara daya usaha di bawah kerjasama tiga tahun itu termasuk membina sekumpulan jurulatih relawan warga emas bagi memperluas satu program prademensi ke seluruh negara.

Jurulatih itu akan membantu mengendalikan ceramah kesihatan dan latihan keprihatinan serta senaman fizikal yang mudah, lapor akhbar *The Straits Times*.

Satu program rintis relawan antara generasi melibatkan warga emas dengan belia juga akan diperkenalkan bagi membantu golongan kurang bernasib baik.

Standard Chartered Bank bakal

menyumbang sebanyak \$100,000 setahun sepanjang tiga tahun bagi menyokong usaha tersebut.

Lebih 1,000 relawan warga emas dijangka meraih manfaat daripada kerjasama itu.

Pengerusi RSVP Singapore, Encik Koh Juay Meng, berkata kerjasama itu akan membangunkan keupayaan warga emas dan memperkasa mereka sebagai relawan aktif yang berbakti bagi memenuhi keperluan masyarakat.

“Kami sedar golongan warga emas ini merupakan karyawan yang bekerja, tahu menggunakan teknologi serta mempun-

yai keinginan dan keperluan berbeza.

“Mereka lebih bijak menilai dan mahu membuat keputusan yang termaklum tentang tugas sukarela, pertubuhan dan hasilnya walaupun mereka mungkin tidak boleh terikat kepada kerja sukarela bagi jangka panjang,” ujarnya.

Singapura mempunyai antara penduduk paling cepat menua di Asia, dengan 15.2 peratus penduduknya berusia 65 tahun ke atas sehingga September lalu.

Dengan penduduk yang menua, jumlah relawan warga emas di negara ini turut meningkat sejak beberapa tahun lalu.

Sekarang ini, RSVP Singapore mempunyai 2,500 relawan warga emas, berbanding 824 relawan warga emas pada 2016.

Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu, turut hadir sebagai tetamu terhormat di upacara pemeteraian MOU itu.

“Menjelang 2030, jumlah warga Singapura yang berusia 65 tahun ke atas akan berganda.

“Ramai daripada warga emas ini mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas.

“Relawan warga emas ini penting kerana masyarakat juga boleh meraih manfaat daripada pengalaman mereka,” katanya.

Menerusi usaha bersama pemerintah, masyarakat dan rakan kerja korporat, Cik Fu berkata semua pihak boleh seiringan dalam mewujudkan lebih banyak peluang bagi warga emas melakukan kerja sukarela.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa lebih banyak badan korporat mempertimbangkan kerjasama sedemikian, menggalak pekerja mereka menjadi relawan dan mengembangkan gerakan SG Cares.